

Pemuda: Najib hasrat rebut No. 2

Oleh JAMALUDDIN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR, Selasa.— Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak mengumumkan hasratnya untuk bertanding merebut jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam perhimpunan agung September ini.

Ketika dihubungi di rumah kediamannya di Kuantan beliau berkata, "Saya berhasrat untuk bertanding merebut jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO sahaja memandangkan jawatan itu kosong.

"Saya tidak berhasrat untuk merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia meskipun ada cadangan dari Bahagian-Bahagian Pemuda UMNO berbuat demikian," tegas beliau.

Jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO kosong berikutan dengan pengunduran Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim kerana mencukupi had umur 40 tahun.

Di bawah perlembagaan Pergerakan Pemuda UMNO, Naib Ketua dan ahli Exco mestilah dipilih di kalangan ahli di bawah umur 40 tahun manakala jawatan ketua umur tiada had.

Tokoh muda

Di samping Datuk Najib, beberapa orang tokoh pemuda, seperti Ketua Menteri Melaka, Encik Rahim bin Datuk Thamby Chik, Encik Tamrin Ghafar dan Encik Mohd. Nazri Tan Sri Aziz juga berhasrat untuk bertanding.

Bagaimanapun mereka itu hanya mengambil keputusan positif jika Datuk Najib tidak bertanding.

Difahamkan dengan keputusan Datuk Najib untuk bertanding merebut jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO itu, maka mereka yang terlibat mungkin menarik diri.

Manakala jawatan Ketua Pemuda UMNO pula ditandingi oleh Datuk Mokhtar Hashim dan Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim pula difahamkan tidak mungkin bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO memandangkan meskipun sebahagian besar Bahagian Pergerakan Pemuda mahukan beliau berbuat demikian.

Beliau mengambil keputusan tersebut



DATUK NAJIB

semata-mata untuk memastikan Pergerakan Pemuda tidak berpecah dan padu bagi menghadapi isu-isu kepentingan nasional.

Sementara itu, bagi jawatan Exco pula tokoh-tokoh lama akan terus mempertahankan kedudukannya.

Antara yang bertanding ialah Megat Junid bin Megat Ayub, Encik Tamrin Ghafar, Encik Hussein Mahmud, Encik Nazri Tan Sri Aziz, Haji Khalid Yunus.

Manakala dua lagi Exco iaitu Menteri Besar Johor, Encik Ajib Ahmad dan Ketua Menteri Melaka, Encik Rahim Thamby Chik belum membuat kata putus sama ada akan bertanding atau tidak kali ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia